

Pendekatan dan Pengaplikasian Motivasi Agama dalam Modul Pembangunan Diri Remaja: Kajian terhadap Program Motivasi Alihan Pelajar (MAP)

Approach and Application of Religious Motivation in Adolescent Self-Development Module: A Study Towards the Motivasi Alihan Pelajar (MAP) Programme

NUR SHAHIDAH PA'AD
SAYYID BUHAR MUSAL KASSIM
ABDUL RAHMAN, Z.

ABSTRAK

Remaja adalah suatu fasa dalam peringkat kehidupan yang perlu diberi perhatian. Ketidakstabilan keadaan psikologikal remaja boleh menimbulkan pelbagai konflik dan kecelaruan sekiranya tidak diurus dengan baik. Dalam suatu proses pembangunan diri, remaja akan berdepan dengan pelbagai cabaran yang berupaya menjejaskan motivasi diri mereka. Justeru, suntikan motivasi agama yang bersifat komprehensif dan sistematik amat diperlukan. Dengan menggunakan metode analisis kandungan secara holistik dan pemerhatian, kertas ini akan menghuraikan pendekatan motivasi agama berserta pengaplikasiannya menerusi modul pembangunan diri remaja dalam Program Motivasi Alihan Pelajar. Berdasarkan analisis, kesemua sebelas slot yang terkandung dalam modul tersebut telah menggunakan pendekatan motivasi agama yang terdiri daripada langkah pertama iaitu; pengurusan emosi dan pemikiran dan langkah kedua; konsistensi amal. Kajian ini merumuskan, intervensi pembangunan diri remaja melalui dua pendekatan motivasi agama ini didapati lebih komprehensif dan integratif sesuai dengan keperluan psikologikal remaja. Justeru pendekatan ini amat wajar diaplikasikan dalam membantu proses pembangunan diri remaja secara holistik.

Kata kunci: Motivasi agama; pembangunan diri; remaja; Motivasi Alihan Pelajar

ABSTRACT

Teenager is a phase in life that needs more attention. Adolescent psychological instability can cause many conflicts and confusion if not managed properly. In a process of self-development, adolescents will face a variety of challenges that may affect their motivation. Therefore, a comprehensive and systematic injection of religious motivation is essential. Using holistic content analysis and observation methods, this paper attempts to analyze the motivational approaches used and its applications in the module of Motivasi Alihan Pelajar (MAP). Based on the analysis, all eleven slots contained in the module used a religious motivation approach consisting of the first step; cognitive and emotional management and second; continuous action. This study concludes, interventions for adolescent self-development through these two religious motivational approaches are found to be more comprehensive and appropriate to their psychological needs. Therefore, this approach should be applied to facilitate holistic adolescent self-development processes.

Keywords: Religious motivation; self-development; adolescent; Motivasi Alihan Pelajar

PENGENALAN

Dalam Islam, perbincangan tentang pembangunan diri manusia tidak boleh dipisahkan daripada elemen-elemen asas penciptaan yang terdiri daripada elemen kerohanian dan jasad (Mustafa Achoui 1998). Kedua-dua elemen ini diperlukan bagi mencapai matlamat pembangunan diri dalam Islam iaitu membina kesejahteraan seluruh aspek iaitu fizikal, emosi, intelektual, sosial dan spiritual untuk kebahagiaan

dunia dan akhirat. Elemen kerohanian ini merupakan kurnian Allah yang dapat memberikan jiwa kesedaran serta menggerakkan jasad manusia melalui potensi rohaninya yang terdiri daripada *al-aql*, *al-qalb*, *al-nafs* dan *al-rūh*. Dengan adanya potensi-potensi ini, manusia boleh berfikir, memahami dan menghayati menerusi persepsi spiritual dan keagamaan (Yasein Mohamed 1995). Selain itu, ia juga membolehkan manusia memenuhi keperluan hidup dan menikmati pelbagai kenikmatan dunia (Muhammad Uthman

Najati 1993). Dalam proses pembangunan diri, keupayaan membangunkan seluruh potensi ini dengan baik membolehkan manusia menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Amber Haque 1998).

Namun begitu, kewujudan hawa nafsu juga sering menyebabkan manusia mudah terdedah dan terjebak kepada pelbagai pengaruh negatif. Tambahan pula, manusia adalah makhluk sosial yang hidup sentiasa berinteraksi dengan elemen-elemen persekitarannya (Zakaria Stapa 2012). Uthman Najati berhubung perkara ini menjelaskan, seorang Muslim perlu berusaha untuk mengawal dan belajar menyeimbangkan tuntutan hawa nafsu supaya tidak melampaui batas (Uthman Najati 1968).

Dalam proses pembangunan diri remaja, cabaran hawa nafsu ini berupaya melemahkan motivasi diri seterusnya membuatkan mereka mudah terjebak kepada pelbagai masalah tingkahlaku. Hal ini disokong pula dengan keadaan psikologikal remaja itu sendiri yang di alami pada fasa tersebut (Branje, S. 2018). Dalam kajian yang dibuat oleh para sarjana berhubung fasa keremajaan ini menjelaskan, perasaan ingin tahu dan inisiatif yang wujud dalam diri remaja akan menyebabkan motivasi untuk mengembangkan daya kreativiti, serta daya keprihatinan mereka terhadap pelbagai perkara meningkat (Clifton E. Watts 2008; Lisdahl, K. M. et al. 2018). Perkara ini mendorong remaja untuk mencuba pelbagai perkara baru. Selain itu, kecenderungan mencari dan menentukan identiti diri pula mendorong hubungan interaksi yang rapat dengan rakan sebaya seterusnya mempengaruhi tahap kesihatan mental mereka (Hightower 1990). Justeru, menurut Uthman Najati lagi, pelbagai konflik diri pada fasa ini boleh berlaku sekiranya remaja tidak berupaya untuk mengurus potensi rohani mereka dengan baik (Uthman Najati 1968). Ia menyebabkan kelemahan dalam membuat sebarang penilaian kerana kecenderungan remaja untuk menggunakan pemikiran cetek yang lebih dipengaruhi oleh hawa nafsu (Uthman Najati 1968).

Walau bagaimanapun al-Za'balāwī mengulas bahawa ketidakstabilan psikologikal remaja yang disebabkan oleh masalah pengurusan jiwa dalaman ini tidak semestinya akan membentuk kesan yang negatif kepada pembangunan diri remaja. Sebaliknya pada fasa awal remaja, keadaan tersebut adalah satu proses yang baik sebagai persediaan ke arah menjadi individu yang lebih matang (Al-Za'balāwī 1989). Sehubungan itu, dalam proses

pembangunan diri remaja perlu mendapat didikan, sokongan dan bimbingan yang betul supaya fungsi potensi rohani mereka dapat dioptimumkan secara berterusan sehingga berjaya membentuk akhlak yang baik (Nur Shahidah Paad, Yusmini Yusoff & Norrodzoh Siren 2016). Pendekatan motivasi agama akan membantu remaja melalui proses ini.

PENDEKATAN MOTIVASI AGAMA DALAM ISLAM

Dalam proses pembangunan diri, akhlak yang baik adalah salah satu asas kepada kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Namun, sebagaimana yang telah dijelaskan, pembentukan akhlak yang baik hanya boleh dilaksanakan melalui penghayatan peranan sebagai hamba dengan mengoptimumkan fungsi potensi rohani serta jasad secara konsisten sehingga menjadi tabiat pada diri individu (Malik Badri, 2000). Secara asasnya dengan pendekatan motivasi agama, terdapat dua langkah utama yang perlu dilakukan, iaitu pertama; pengurusan emosi dan pemikiran. Kedua; konsistensi amal.

Dalam konteks pembangunan diri remaja, langkah pertama di atas diperlukan untuk mencetuskan keinginan bagi membangun diri ke arah yang lebih baik melalui pemikiran yang jelas serta kematangan jiwa. Oleh kerana remaja sering bergelumang dengan pelbagai konflik diri (Zakiyah Darajat 1970; Lohman, B. J., & Jarvis, P. A. 2000), langkah pertama dalam pendekatan ini berupaya membantu remaja lebih mengenal diri dan Tuhan, memahami tujuan hidup, memperbetulkan pemahaman dan pemikiran yang tidak benar, membina kepercayaan serta membentuk perancangan hidup yang lebih komprehensif (Nur Shahidah Paad, Yusmini Yusoff & Norrodzoh Siren 2016). Pembentukan emosi dan pemikiran ini harus berlandaskan kepada ilmu dan tidak boleh bersandarkan kepada taklid semata-mata. Dengan ini, penghargaan dan keyakinan remaja terhadap diri sendiri juga boleh ditingkatkan (Uthman Najati 1968).

Terdapat tiga proses yang terlibat pada langkah pertama ini iaitu proses *mu'atabah*, *mushāra'ah* dan *murāqabah*. Sifat yang baik sukar untuk dibina jika masih terdapat sifat buruk yang sudah menjadi tabiat dalam hidup. Oleh itu, melalui proses *mu'atabah*, remaja perlu membersihkan jiwa dengan membuang sifat-sifat yang buruk dan bertaubat. Dalam hal ini, seluruh fungsi akal dan hati perlu dioptimumkan.

Asas taubat adalah ilmu pengetahuan yang jelas terhadap akibat suatu perbuatan salah dan dosa yang telah menjadi tabiat dan bagaimana cara untuk menghapuskannya (Al-Ghazālī 2010). Kesedaran ini akan mendorong rasa penyesalan dalam diri remaja, seterusnya membina keazaman untuk berubah dan meninggalkannya (Al-Ghazālī 1989; Miskawayh t.th). Namun, perubahan ini tidak dapat dilakukan dengan mudah tanpa perancangan dan komitmen yang tinggi. Justeru, remaja juga perlu melalui proses *mushāratah* iaitu suatu proses yang memerlukan remaja untuk membentuk strategi dan pelan tindakan yang teliti dan bersifat komprehensif. Dalam hal ini, remaja perlu merangka pelan tindakan dalam bentuk matlamat jangka panjang dan pendek seterusnya membuat aku janji dan beriltizam untuk melaksanakan pelan tersebut dengan sebaiknya (Yatimah Sarmani & Mohd. Tajudin Ninggal 2008).

Walau bagaimanapun, sebagai hamba Allah remaja juga perlu memahami bahawa segala usaha hendaklah dilakukan dengan mengutamakan redha Allah SWT. kesedaran terhadap pembentukan niat yang ikhlas kerana Allah SWT akan membantu remaja membina jiwa rohani yang sihat. Hal ini juga sekali gus mengelakkan remaja daripada pelbagai masalah dan penyakit hati seperti tekanan jiwa, riak dan kesombongan (Fatimah Abdullah 2011; Abu Zayd al-Balkhi 1990; Malik Badri 2000). Dengan demikian, dalam membina perancangan ini juga, remaja perlu sentiasa mendekatkan hati dengan Allah SWT, menginsafi kewujudan serta kebesaran Allah SWT melalui proses *murāqabah* (Malik Badri 2000; Baharuddin 2007; Malik Badri 1993). Proses ini bukan sahaja menuntut remaja untuk memperbaiki niat, malah ia juga secara tidak langsung membangunkan sifat tawakkal yang tinggi kepada Allah SWT. Dalam proses pembangunan diri, tawakkal ini bukan sekadar menyerahkan segala urusan kepada Allah SWT. sebaliknya tawakkal yang sebenar ialah penyerahan berserta dengan usaha yang bersungguh-sungguh (Al-Ghazālī 1986).

Namun, sebagai individu yang masih kurang berpengalaman, golongan remaja amat memerlukan sokongan dan bimbingan untuk terus memberikan komitmen terhadap matlamat pembangunan diri yang ingin dicapai (Abdel-Kawi, Ola & James Kale 1991; Shafiq Falah Alawneh 2009). Menurut al-Za'balāwī dengan hanya membangkitkan hasrat sahaja tidak memadai untuk memastikan kesanggupan remaja untuk benar-benar memberikan komitmen dalam membangunkan diri (Amilah Awang 2014; Ariffin

1991; al- Za'balāwī 1989). Ketidakstabilan jiwa boleh menyebabkan remaja mudah terdorong untuk tunduk kepada bisikan hawa nafsu dan akhirnya berputus asa untuk membentuk akhlak yang baik. Terutama ketika berhadapan dengan masalah (Amilah Awang 2014; Ariffin 1991). Dengan demikian, konsistensi amal adalah langkah kedua yang perlu dilakukan sebagai pendekatan motivasi. Ia akan menjadi faktor penolak kepada remaja untuk merealisasikan niat yang telah disemat di dalam hati.

Terdapat tiga proses yang perlu dilalui pada langkah kedua ini iaitu proses *mujāhadah*, *muhāsabah* dan *mu'aqabah*. *Mujāhadah* ialah kesungguhan dalam melatih dan memaksa diri untuk melaksanakan matlamat dan perancangan yang telah dibentuk serta meninggalkan segala tabiat yang buruk (Mohammed Galib Hussain & S.Y. Anver Sheriff 2011). Kecerdasan mental dan fizikal diperlukan untuk membina kekuatan jiwa dan melawan hawa nafsu. Bermula dengan satu langkah tindakan, perubahan diri tersebut perlu dilakukan secara berterusan sebagai inisiatif untuk membentuk disiplin diri yang tinggi. Namun begitu, sebagaimana yang telah dijelaskan, remaja dalam situasi ini biasanya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran daripada persekitaran yang akhirnya menyebabkan mereka berputus asa. Di antara faktor-faktor yang mempengaruhi mereka termasuklah keinginan untuk diterima oleh rakan sebaya selain kecenderungan terhadap aktiviti yang lebih memberi keseronokan serta menepati citarasa mereka (Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh, 1968; Nor Jumawaton et al. 2018). Justeru, membentuk persekitaran yang baik seperti mendapatkan sokongan rakan serta guru yang alim amat digalakkan kepada remaja dalam proses pembangunan diri (Ibn Muhammad Miskawayh 1968; Siti Zaharah Jamaluddin et al 2018). Selain itu dalam proses *Mujāhadah* ini, remaja juga perlu meraikan setiap kejayaan kecil yang berjaya dicapai sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan motivasi diri (Muhammad Abul Quasem 1983; Wan Mazwati Wan Yusoff 2012; Muhammad Shobirin et al. 2012). Hal ini akan memberikan lebih banyak ruang dan peluang kepada remaja untuk terus membangunkan diri (Ralf Schwarzer 2001).

Dalam proses berikutnya pula, remaja juga perlu sentiasa melakukan muhasabah diri dari semasa ke semasa. Melalui muhasabah diri, remaja dapat melihat sejauh mana perubahan yang telah berjaya dilaksanakan, selain berusaha mengenal pasti aspek

kelemahan fizikal dan rohani. Proses ini akan membantu remaja untuk memperbaharui semula semangat dan keyakinan diri serta mengelakkan remaja daripada tersasar (Fatimah Abdullah 1998; Siti Norma Aishah Malkan et al. 2018). Akhirnya, bagi terus memastikan konsistensi diri, remaja perlu melalui proses *mu'aqabah*. Proses ini merupakan suatu bentuk peneguhan bagi memastikan remaja terus berdisiplin, tegas dengan kehendak hawa nafsu serta melatih kemampuan membina daya tahan dalam diri remaja (Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid 2016; Zolkoski, S. M., & Bullock, L. M. 2012). Melalui proses ini kesilapan, masalah dan kelemahan diri yang telah dikenal pasti perlu diatasi dengan bersungguh-sungguh melalui kaedah dan strategi yang bersistematik sebagaimana yang disarankan oleh agama. Remaja juga perlu bijak membentuk peluang-peluang yang baik daripada masalah yang timbul serta berusaha melawan sifat dan perbuatan negatif dengan mengamalkan tabiat perbuatan yang baik (American Psychological Association 2014).

Ketiga-tiga proses ini akan menjadi persediaan rapi yang amat penting untuk mengurangkan berlakunya kemerosotan motivasi diri remaja dalam proses pembangunan diri.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pendekatan motivasi agama serta pengaplikasiannya dalam modul pembangunan diri remaja akan dianalisis. Modul Motivasi Alihan Pelajar telah dipilih sebagai subjek kajian ini kerana ia merupakan sebuah modul yang berkonsepkan Islam. Pengasas modul MAP Tengku Asmadi pula merupakan individu yang telah dilantik untuk menjadi presiden kepada sebuah badan NGO Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia (TAMRIN), iaitu Sebuah organisasi yang menjadi payungan kepada *trainer* dan *speaker* Muslim di Malaysia. Selain itu, modul MAP yang telah dibina dengan tujuan membimbing golongan remaja ke arah pembangunan diri yang holistik ini telah diaplikasikan secara konsisten sejak tahun 1995 sehingga kini. Selama tempoh tersebut, modul ini juga telah berjaya menarik seramai lebih 300,000 orang pelajar yang berdaftar di bawah program Motivasi Alihan Pelajar.

Secara keseluruhan modul MAP ini adalah modul pembangunan diri remaja yang dilaksanakan sepenuhnya dalam program yang berbentuk ceramah

tanpa melibatkan sebarang aktiviti luar. Sebanyak 10 slot motivasi telah di atur sepanjang program tersebut iaitu slot Disiplin, Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, Teknik Belajar SPA, Palestin, Sikap, Pelaziman Minda, Tanggapan, Ibu bapa dan Yakin dan Berani. Sehubungan itu, bagi mencapai objektif kajian, keseluruhan 10 slot tersebut telah dianalisis dengan kaedah dokumentasi dan pemerhatian.

Menerusi kaedah dokumentasi, buku modul bertulis Motivasi Alihan Pelajar yang telah digunakan secara konsisten sejak tahun 1995 sehingga kini iaitu tahun 2020 telah analisis. Seluruh elemen dan pendekatan motivasi agama telah dikenalpasti dalam buku modul tersebut. Seterusnya, elemen-elemen yang telah dikenalpasti ini disenaraikan serta dianalisis pula secara lebih terperinci termasuk kaedah pengaplikasiannya melalui pemerhatian tidak turut serta ke atas semua slot program MAP. Pemerhatian ini telah dilaksanakan sebanyak lima kali dengan kebenaran daripada pihak penganjur iaitu pada Mei 2013, Disember 2013, Februari 2014, November 2019 dan Januari 2020. Kesemua data telah direkod menggunakan rakaman video serta nota lapangan. Walau bagaimanapun, kedua-dua kaedah ini hanya digunakan untuk menganalisis kandungan modul MAP yang berhubung dengan pendekatan motivasi agama serta kaedah pengaplikasiannya. Respon pelajar terhadap penyampaian kandungan modul tersebut serta kesannya tidak dianalisis.

PENGAPLIKASIAN PENDEKATAN MOTIVASI AGAMA DALAM MODUL MOTIVASI ALIHAN PELAJAR

Berdasarkan kepada analisis, kajian mendapati proses *mu'atabah*, *mushāraṭah*, *murāqabah* ini telah diaplikasikan melalui beberapa slot di dalam modul ini (Jadual 1). Slot Sikap, slot Palestin dan slot Ibu bapa adalah antara slot yang banyak menggunakan proses-proses tersebut bagi tujuan menyuntik rasa kesedaran dan penyesalan dalam diri para pelajar. Melalui slot sikap dan slot Palestin, para pelajar telah diberi kesedaran tentang pelbagai sikap dan tabiat buruk yang bertentangan dengan keupayaan potensi diri sebagaimana yang dibekalkan oleh Allah SWT. Antaranya penekanan tentang keburukan sikap lalai yang banyak merosakkan diri (Buku Modul Motivasi Alihan Pelajar 1995-2020). Huraian secara terperinci telah diberi tentang bagaimana kelalaian tersebut menjadi punca yang melemahkan

umat Islam dan seterusnya dipandang rendah. Bagi menjelaskan hal ini, contoh-contoh yang mudah difahami dan digambarkan oleh para pelajar telah diberi misalnya dengan menunjukkan perbezaan ciri di antara individu berjaya dan individu yang gagal kepada para pelajar berserta faktor-faktornya. Begitu juga di dalam Slot Palestin, gambar-gambar kekejaman ke atas umat Islam juga telah dipaparkan supaya para pelajar sedar tentang kepentingan membuang sikap lalai dan bangkit dan berjuang untuk menjadi umat Islam cemerlang (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Manakala dalam slot Ibu Bapa pula, para pelajar telah diingatkan tentang jasa dan pengorbanan ibu bapa dalam melahir, membesarkan dan memberikan yang terbaik untuk keperluan diri mereka. Suntikan penghayatan terhadap kesengsaraan umat Islam yang ditindas di serata dunia serta keperitan jasa Ibu dan bapa tersebut dilaksanakan untuk mendorong kesanggupan mengorbankan keseronokan sementara demi mencapai matlamat sebenar kehidupan. Daripada pengisian yang telah dibentangkan, para pelajar diminta untuk menginsafi kesalahan diri dan segera memohon keampunan daripada Allah SWT. dengan bermunajat, beristighfar serta memohon maaf kepada kedua ibu bapa mereka (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020).

Pengisian yang dimuatkan dalam modul untuk menyuntik rasa penyesalan dalam kalangan pelajar ini adalah selari dengan proses *muātabah* sebagai proses pertama yang perlu dilaksanakan bagi membentuk dorongan dan keazaman yang kuat untuk melakukan perubahan diri (Al-Ghazālī 2010). Pendedahan terhadap pelbagai isu dan permasalahan bagi membangkitkan kesedaran dan rasa kesal dalam diri pelajar adalah asas ilmu yang perlu ada sebagai pra-syarat kepada pelaksanaan proses *muātabah* tersebut. Dengan pendekatan yang digunakan ini, kajian mendapati bahawa model MAP tidak hanya cuba membantu para pelajar untuk mengenal pasti kesalahan dan kelemahan diri. Malah, MAP juga didapati telah menggunakan pendekatan mengajar cara yang betul kepada para pelajar tentang bagaimana untuk menyalurkan rasa kesal tersebut iaitu melalui ajakan untuk beristighfar, bermunajat serta berhadapan dengan ibu bapa untuk memohon maaf (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei

2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Kaedah ini bukan sahaja untuk menggalakkan para pelajar untuk membersihkan jiwa malah mendorong mereka untuk membina kesedaran tentang kewujudan Allah sebagai Tuhan yang sentiasa ada untuk memberikan rahmat, kekuatan dan pertolongan. Ia juga sekali gus menggalakkan para pelajar untuk menerima kelemahan diri dan bangkit berhadapan dengan kelemahan tersebut. Bagi mendorong perkembangan mental yang sihat, pendekatan seperti ini mengelakkan rasa penghargaan sendiri yang rendah pada diri pelajar seterusnya mengelakkan mereka daripada terlibat dengan pelbagai masalah sosial (Nur Shahidah Pa'ad 2017). Selain itu, pendedahan tentang masalah yang dihadapi oleh orang lain di sekeliling berupaya meningkatkan tahap pemahaman, kepekaan dan kesedaran sosial pada diri pelajar sekali gus merendahkan tahap egosentrisma pada diri remaja (Jas Laile Suzana Jaafar 2011).

Kajian mendapati galakan seperti ini juga telah diaplikasikan menerusi beberapa slot lain di dalam modul MAP yang didapati bertepatan dengan proses *mushārakah* dalam motivasi agama. Hal ini kerana slot-slot tersebut dilihat telah memuatkan pendekatan membimbing pelajar untuk merealisasikan tanggungjawab diri dengan baik selain membantu mereka untuk membina keyakinan serta kekuatan dalaman. (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Kesemua pendekatan ini penting untuk membantu para pelajar membina kesediaan diri yang rapi bagi melakukan perubahan (Abbas Husein Ali, 1995: 51-64). Di dalam slot Matlamat Hidup Insan misalnya, para pelajar telah digesa untuk merancang kehidupan dan gerak kerja selaras dengan tuntutan *syariatullah* dan *sunntatullah*. Bagi tujuan tersebut, mereka diajar secara terperinci bagaimana untuk menjadi individu yang cemerlang menuju kepada matlamat kebahagiaan dunia dan akhirat. Namun, tidak hanya dilaksanakan dengan membentangkan teori, sebaliknya para pelajar juga telah diberi dengan pelbagai bentuk kemahiran dan strategi bagi memudahkan proses perubahan seterusnya membantu mereka berhadapan dengan cabaran (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020).

Kajian mendapati kemahiran-kemahiran yang dibekalkan kepada para pelajar tersebut adalah kemahiran yang sesuai dengan keperluan mereka seperti kemahiran belajar, kemahiran berhadapan dengan cabaran persekitaran serta kemahiran membentuk konsistensi diri seperti kaedah memberikan tumpuan dalam pembelajaran, kaedah mengatasi rasa malas serta kaedah membentuk tabiat diri yang baik. Selain itu, para pelajar sekali lagi telah diingatkan tentang pelbagai potensi dan keupayaan diri yang boleh dan perlu digunakan untuk memilih jalan hidup yang terbaik (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Kesemua kemahiran tersebut telah diajar menerusi slot Matlamat Pelajar Super, slot Disiplin dan slot Pembelajaran SPA (Buku Modul Pusat Motivasi Alihan Pelajar, 1995-2020). Bimbingan seperti ini amat diperlukan oleh para pelajar untuk membantu perkembangan autonomi mereka secara lebih sihat (Van Droogenbroeck, F. et al. 2018; Azizi Yahaya et al. 2012). Walaupun pada fasa remaja ini pelajar lebih cenderung untuk berdikari, namun mereka sebenarnya masih memerlukan bimbingan daripada orang dewasa kerana pengalaman yang masih kurang. Hubungan ini secara tidak langsung turut membantu mereka untuk membentuk kumpulan sokongan yang betul dalam proses pembangunan diri.

Namun demikian, selaras dengan pendekatan motivasi agama, kajian mendapati modul MAP juga sentiasa menekankan tentang kewajipan membentuk tingkahlaku dan perbuatan yang selaras

dengan kehendak agama Islam. Sehubungan itu, dalam mengajar teknik pelaksanaan perancangan matlamat para pelajar juga didapati telah diingatkan tentang kepentingan pembentukan niat yang ikhlas supaya amal perbuatan mereka tidak menjadi sia-sia. Dalam hal ini, pendekatan yang telah digunakan ialah dengan mengajak para pelajar untuk sentiasa membina hubungan hati dengan Allah SWT. Misalnya, para pelajar ditekankan tentang kepentingan penyempurnaan ibadah yang wajib seperti solat, di samping turut menggalakkan pelaksanaan ibadah-ibadah sunat termasuk bersedekah. Keperluan menjaga adab dan akhlak dengan berusaha mengelakkan diri daripada perbuatan dosa dan maksiat juga turut digariskan. (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Kajian mendapati pengisian ini selari dengan proses *murāqabah* yang penting dalam pendekatan motivasi agama. Dalam proses pembangunan diri, pendekatan ini akan membantu memastikan para pelajar benar-benar jelas dengan apa yang ingin dilakukan dari aspek tujuan dan mekanisma selain mendorong mereka untuk nekad dalam melaksanakannya selaras dengan apa dikehendaki dalam agama. Hal ini selaras dengan kenyataan Al-Awneh yang menyatakan sepertimana berikut (Shafiq Falah Alawneh 2009):

Without the necessary knowledge, it is difficult for man to behave in an enlightened manner, for knowledge enhances man's behavior. ... the more one knows about the world around one (and about him or herself) the more one becomes motivated to obtain knowledge.

JADUAL 1. Pengaplikasian proses *muātabah*, *mushāratah*, *muraqabah* dalam Modul MAP

Proses	Pengaplikasian dalam Modul MAP	Kaedah	Nama Slot
	<ul style="list-style-type: none"> Menyedarkan tentang perkara betul dan salah dalam agama Menyuntik rasa penyesalan atas kesilapan diri Mendorong semangat dan keazaman untuk berubah kepada lebih baik 	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan peranan sebagai hamba dan khalifah Allah Menjelaskan tentang rahmat Allah untuk manusia berserta contoh Menyenaraikan contoh perbuatan yang betul dan salah dengan menjelaskan faktor dan kesannya Membangkitkan semangat melalui gambaran kekejaman yang dilakukan kepada umat Islam seluruh dunia Mengingatkan tentang jasa ibu bapa, kesilapan sebagai anak serta cara memperbaikinya. 	<ul style="list-style-type: none"> Slot Sikap Slot Palestin Slot Ibu bapa Slot Matlamat hidup Insan

bersambung ...

sambungan ...

Musharatah	<ul style="list-style-type: none"> Mendorong pembinaan kekuatan dalaman Meningkatkan keyakinan diri Menggalakkan pembentukan kumpulan sokongan yang betul Membantu pembentukan perancangan, kemahiran dan strategi yang betul sebagai pelajar dan remaja 	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan seluruh potensi baik yang sedia ada dalam diri serta cara membangunkannya Mengajar cara pembentukan matlamat serta kaedah merealisasikannya mengikut sunnatullah dan syariatullah Mengajar secara terperinci teknik-teknik pembelajaran yang betul Mengajar cara menghadapi cabaran persekitaran 	<ul style="list-style-type: none"> Slot Matlamat hidup Insan Slot Matlamat Pelajar Super Slot Disiplin Slot Pembelajaran SPA Slot Pelaziman Minda Slot Yakin dan Berani
Muraqabah	<ul style="list-style-type: none"> Membantu pelajar memahami tujuan sebenar kehidupan sebagai manusia dan pelajar Menekankan hubungan dengan Allah SWT Menekankan pembentukan niat yang betul dan ikhlas 	<ul style="list-style-type: none"> Membincangkan cara menjadi hamba Allah dan mengelakkan maksiat Menjelaskan secara terperinci konsep usaha, taqdir dan pilihan dalam hidup Menekankan kepentingan ibadah wajib dan sunat serta mengajar beberapa cara pengaplikasiannya Mengajar teknik pembentukan keikhlasan niat dalam perbuatan 	<ul style="list-style-type: none"> Slot Matlamat Hidup Insan Slot Matlamat Pelajar Super Slot Ibu bapa Slot Tanggapan

Sumber: Buku Modul dan Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar

JADUAL 2. Pengaplikasian proses *mujāhadah*, *muhāsabah* dan *mu'āqabah* dalam Modul MAP

Proses	Pengaplikasian dalam Modul MAP	Kaedah	Nama Slot
Mujahadah	<ul style="list-style-type: none"> Mendorong pelajar untuk merealisasikan azam Mendorong pelajar untuk membentuk semangat, disiplin dan daya tahan dalam diri 	<ul style="list-style-type: none"> Mengajar tentang peranan potensi akal dan nafsu dalam merealisasikan azam Memberikan persediaan mental kepada pelajar untuk merealisasikan azam Mengajar teknik pembentukan tabiat dan disiplin diri yang baik Mengajar teknik berhadapan dengan cabaran dalaman dan cabaran persekitaran 	<ul style="list-style-type: none"> Slot Disiplin Slot Sikap Slot Palestin Slot Yakin & Berani
Muhasabah	<ul style="list-style-type: none"> Mendorong pelajar untuk mengoptimumkan potensi rohani Menggalakkan penilaian prestasi diri secara konsisten Menggalakkan pengurusan emosi dan pemikiran yang positif 	<ul style="list-style-type: none"> Mengajar teknik muhasabah melalui penilaian terhadap hubungan diri dengan Allah SWT Mengajar teknik penilaian prestasi diri secara positif dan berterusan Memperincikan bentuk-bentuk pemikiran negatif yang perlu disingkirkan 	<ul style="list-style-type: none"> Slot Pelaziman Minda Slot Tanggapan Slot Ibu Bapa
Muaqabah	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan pelajar untuk memperbaiki diri Mendorong pelajar untuk membina tabiat diri yang baik 	<ul style="list-style-type: none"> Mengajar teknik memperbaiki diri dan sikap dengan cara yang betul Mengajar pembentukan hubungan rakan sebaya dan kumpulan sokongan yang positif 	<ul style="list-style-type: none"> Slot Disiplin Slot Tanggapan Sikap

Sumber: Buku Modul dan Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar

Seterusnya, tidak hanya mengajar memasang niat yang betul, kajian mendapati modul MAP juga telah membantu para pelajar dengan memperincikan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk membina konsistensi diri untuk terus membangun (Jadual 2). Menerusi slot Disiplin, Sikap, Tanggapan, Pelaziman

Minda, serta slot Yakin dan Berani para pelajar telah digesa untuk bersungguh-sungguh merealisasikan matlamat diri yang telah dibentuk dengan teknik yang betul (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019

dan 25-26 Januari 2020). Selain itu, menerusi slot-slot tersebut juga para pelajar telah diberi penjelasan tentang realiti kehidupan di samping turut diingatkan dengan pelbagai cabaran dan halangan yang bakal dihadapi. Hal ini termasuklah cabaran dari aspek pengaruh persekitaran dan rakan-rakan, kemerosotan motivasi, kesusahan dan sebagainya. Teknik-teknik yang telah diajar menerusi slot-slot tersebut termasuklah teknik pembentukan disiplin diri, teknik menstruktur pemikiran dengan bijak, cara mengoptimumkan potensi akal, teknik melazimi tanggapan diri yang positif serta strategi membentuk suasana persekitaran yang baik (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Secara keseluruhan, teknik-teknik ini juga sekali gus dapat menjadi pendedahan dan persediaan awal sebagai pendekatan preventif kepada para pelajar untuk mengelakkan mereka daripada terlibat dengan masalah seperti tekanan, kecelaruan dan putus asa kerana konflik diri yang tidak diurus dengan baik (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020; al-Balkhī 1990).

Kajian mendapati teknik dan strategi yang diajar tersebut adalah selari dengan elemen *mujāhadah* dalam Islam. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, *mujāhadah* ialah usaha keras yang dilakukan untuk melawan kehendak hawa nafsu yang sentiasa mendorong kepada perkara yang merosakkan dan melalaikan (Yūsuf al-Qaraḍāwī 1977). Oleh yang demikian, pelbagai teknik dan strategi konsistensi amal melalui disiplin dan pelaziman yang diberikan dalam modul MAP tersebut adalah satu proses *mujāhadah* yang berfungsi membimbing para pelajar membangunkan jiwa dan potensi rohani termasuk akal dan hati supaya lebih berdaya tahan. Selain itu, teknik dan strategi tersebut turut selari dengan proses *mu'āqabah*. Latihan disiplin serta penekanan tentang kepentingan mewujudkan kumpulan sokongan persekitaran melalui slot Disiplin, Tanggapan dan Tumpuan merupakan teknik-teknik penting dalam proses *mu'āqabah* bagi memperbaiki tabiat yang buruk sekali gus membentuk akhlak yang baik (Abul Quasem 1983; Ibrahim Hilal 2002).

Seterusnya, sebagai satu proses penting dalam pembangunan diri remaja, kajian juga mendapati proses *muḥāsabah* telah diterapkan dalam pelaksanaan modul MAP, misalnya dalam slot

Tanggapan dan Pelaziman minda (Buku Modul Pusat Motivasi Alihan Pelajar, 1995-2020). Dalam slot-slot ini, para pelajar telah diajar untuk mengoptimumkan semula fungsi potensi rohani yang dimiliki melalui sentiasa memperbaiki hubungan dengan Allah SWT di samping sering mengawasi sekiranya terdapat bentuk-bentuk pemikiran negatif yang menghalang proses pembangunan diri (Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013, 22-23 Februari 2014, 23-24 November 2019 dan 25-26 Januari 2020). Oleh itu sekiranya di amalkan dengan baik, teknik-teknik yang diajar melalui proses *muḥāsabah* yang di ini akan dapat membantu para pelajar untuk meningkatkan keyakinan terhadap diri yang dan Tuhan selain menguatkan lagi keazaman untuk mencapai matlamat (Al-Ghazālī 2010). Begitu juga, hubungan diri dengan Tuhan ini akan membantu para pelajar untuk meningkatkan keimanan dari semasa ke semasa seterusnya membentuk sokongan dalaman yang kuat agar tidak mudah berputus asa ketika berhadapan dengan masalah dan kegagalan dalam hidup. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Alawneh (Shafiq Falah Alawneh, 2009: 220):

This (iman) then is the basis and the energizing forces for all motivation. Its functions include activating behavior, maintaining behavior, in addition to screening behavior and purifying it from all impurities. Iman comprises the strong Islamic base for directing, re-educating and influencing man's in this life.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, analisis kajian ini merumuskan bahawa keseluruhan 10 slot dalam modul Program Motivasi Alihan Pelajar telah menggunakan pendekatan motivasi agama sebagaimana yang telah dibincangkan dalam kertas ini. Manakala dari segi pengaplikasian pula, pendekatan motivasi agama yang digunakan dalam modul tersebut juga didapati sesuai dengan keadaan dan keperluan psikologikal remaja. Justeru, intervensi pembangunan diri remaja dengan menggunakan pendekatan ini dilihat lebih komprehensif dan integratif kerana mempunyai kesepaduan elemen psikologi dan agama di dalamnya. Dua langkah utama yang penting dalam proses pembangunan diri iaitu pengurusan emosi dan pemikiran serta konsistensi amal telah dititikberatkan di dalam modul. Ia merangkumi beberapa perkara asas Pertama; proses-proses yang terlibat dalam pendekatan tersebut menitikberatkan bentuk-bentuk penilaian diri bagi mengenal pasti

segala perubahan kepada keadaan pemikiran, emosi, dan tahap motivasi di sepanjang proses pembangunan diri. Hal ini membolehkan langkah-langkah dan strategi yang tepat dan berkesan dapat dilakukan. Kedua; proses-proses yang terlibat dalam pendekatan motivasi ini juga menuntut remaja untuk mengenal pasti tabiat-tabiit buruk yang menghalang proses pembangunan diri serta memberikan langkah-langkah penyingkirannya. Ketiga; proses-proses dalam pendekatan ini menekankan kepentingan pembentukan tabiat dan akhlak yang baik sebagai asas utama kepada pembangunan diri dengan menggariskan langkah-langkah pembentukannya.

Justeru, kajian ini mencadangkan pendekatan motivasi agama seperti ini wajar diaplikasikan bagi membantu proses pembangunan diri remaja yang cemerlang secara lebih komprehensif meliputi pelbagai aspek.

RUJUKAN

- Abbas Husein Ali. 1995. The nature of human disposition: Al-Ghazālī's contribution to an Islamic concept of personality. *Intellectual Discourse* 3(1): 51-64
- Abdel-Kawi, Ola & James Kale. 1991. An Islamic perspective on the expectancy-valence theory. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 8(3): 453-460.
- Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh. 1968. *The Refinement of Character*, terj. Constantine K. Zurayk. Beirut: The American University of Beirut.
- Al-Balkhī, Abū Zayd Aḥmad ibn Sahl. 1990. *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus*. Kuwait: Dār al-Da'wah lī al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Ghazālī. 1989. *Mīzān al-'Amal*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazālī. 2010. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb Sharḥ 'Ajaib al-Qalb*, terj. Walter James Skellie. USA: Fons Vitae.
- Al-Ghazālī. 1986. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb al-Niyyat wa al-Ikhlāṣ wa al-Ṣidq*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Hārith bin Asad al-Muḥāsibī. 1929. *al-Masā'il fi A'māl al-Qulūb wa al-Jawāriḥ*. al-Qāhirah: 'Alam al-Kutub.
- Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad. 1989. *Tarbiyyah al-Murāhiq Bayna al-Islām wa 'Ilm al-Nafs*. al-Qāhirah: Maktabah al-Thawbah.
- Amber Haque. 1998. Psychology and Religion: The Relationship and Integration from an Islamic Perspectives, *The American Journal of Social Sciences*, 97.
- American Psychological Association. 2014. *The Road to Resilience*. Washington, DC: American Psychological Association.
- Amilah Awang. 2014. Moral and Ethical Concept in Islam, dalam (ed.) Fatimah Abdullah, *Islamic Ethics and Character Building dalam Psycho-Spiritual Well-Being: Islamic Ethics and Character Building*, ed. Fatimah Abdullah, Selangor: IIUM Press
- Ariffin. 1991. *Psikologi Da'wah: Satu Pengantar Studi*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Azizi Yahaya et al. 2012. *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja, Punca dan Rawatan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Baharuddin. 2007. *Paradigma Psikologi Islami: Studi tentang Elemen Psikologi dari al-Qur'an*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 227-235.
- Branje, S. (2018). Development of parent-adolescent relationships: Conflict interactions as a mechanism of change. *Child Development Perspectives* 12(3): 171-176.
- Clifton E. Watts. 2008. Self-Determination and Free Time Activity Participation as Predictors of Initiative. *Journal of Leisure Research* 40(1): 156-181
- Fathiyah Mohd Fakhrudin & Asmawati Suhid. 2016. Proses *Murabatah al-Nafs* Menurut Perspektif al-Ghazali Bagi Membangunkan Individu Seimbang dan Holistik. *Jurnal AL-ANWAR: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur* 2(2): 173-187.
- Fatimah Abdullah. 2011. Therapeutic Ethics Managing Anger, Negative Thought and Depression According to Al-Balkhī. *Jurnal Aqidah dan Pemikiran Islam* 12: 77-100.
- Hightower. 1990. Adolescent Interpersonal and Familial Precursors of Positive Mental Health at midlife. *Journal of Youth and Adolescence* 19: 257-275
- Ibn Qayyim. 1998. *Medicine of the Prophet*. United Kingdom: The Islamic Texts Society.
- Ibrahim Hilal. 2002. *Tasawuf antara Agama dan Filsafat*, terj. Ija Suntana & E. Kusdian. Jakarta: Pustaka Hidayah.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2011. *Psikologi Remaja dan Masalah-Masalah Psikososial*. Selangor: Pearson Malaysia.
- Lisdahl, K. M., Sher, K. J., Conway, K. P., Gonzalez, R., Ewing, S. W. F., Nixon, S. J., ... & Heitzeg, M. 2018. Adolescent brain cognitive development (ABCD) study: overview of substance use assessment methods. *Developmental Cognitive Neuroscience* 32: 80-96.
- Lohman, B. J., & Jarvis, P. A. (2000). Adolescent stressors, coping strategies, and psychological health studied in the family context. *Journal of Youth and Adolescence* 29(1): 15-43.
- Malik Badri. 1993. *al-Tafakkur min al-Mushahadah ila al-Shuhud*. Herndon: IIT Publication.
- Malik Badri. 2000. *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study*. London: Cambridge University Press.
- Miskawayh. t.th. *Tahdhīb al-Akhlāq wa Tathīr al-'Araḡ*. Bayrūt: Dār al-Maktabah al-Ḥayah.
- Mohammed Galib Hussain & S.Y. Anver Sherif. 2011. *Islamic Theory of Motivation, Insight from the Qur'an and the Sunnah*. USA: LAP Lambert Academic Publishing.
- Muhammad Abul Quasem. 1983. *The Ethics of al-Ghazālī*, Selangor: National University of Malaysia.
- Muhammad Shobirin et.al 2012. Implementasi Metode *Tarḡhib* dan *Tarḥīb* dalam Pembelajaran Aqidah Akhlak untuk Mengembangkan Kepribadian Siswa SDI Nurul Qur'an Kudu Genuk Semarang. *Innovative Journal of Curriculum and Educational Technology* 1(1): 66-69.
- Muḥammad 'Uṯmān Najāfī. 1993. *al-Dirāyah al-Nafsiyah 'inda Ulamā' al-Muslimīn*. Qāhirah: Dār al-Shurūq.

- Mustafa Achoui. 1998. Human Nature from a Comparative Psychological Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15(4): 71-95.
- Nor Jumawaton Shahrudin et.al. 2018. Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Self-Esteem dan Lokus Kawalan dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Sosial. *Akademika*, 88(2), 81-94.
- Nur Shahidah Pa'ad. 2017. Pengaruh Motivasi dalam Proses Pembangunan Diri Remaja dalam Perspektif Islam: Kajian di Pusat Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur, Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pusat Motivasi Alihan Pelajar. 2015. *Modul Motivasi Alihan Pelajar*. Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.
- Ralf Schwarzer. 2001. Social-cognitive factors in changing health-related behaviors. *Current Directions in Psychological Science* 10(2): 47-51.
- Siti Norma Aisyah Malkan@Molkan & Salleh Amat. 2018. Pengetahuan dan kefahaman pelajar kolej terhadap niat bunuh diri. *Jurnal Hadhari* 10(1): 29-48.
- Siti Zaharah Jamaluddin., et.al. 2018. *Children in Malaysia, Selected Contemporary Legal Issues*. Kuala Lumpur: UM Press: 171-174
- Shafiq Falah Alawneh. 2009. Human Motivation: An Islamic Perspective, dalam *Psychology of Personality: Islamic Perspectives* ed. Amber Haque & Yasien Mohamed. Singapore: CANGAGE Learning Asia Pte Ltd: 218-219.
- Uthman Najāti. 1968. *‘Ilmu an-Nafs al-Islamī*. al-Qāhirah: Dār al- Shurūq.
- Van Droogenbroeck, F., Spruyt, B., & Keppens, G. 2018. Gender differences in mental health problems among adolescents and the role of social support: results from the Belgian health interview surveys 2008 and 2013. *BMC psychiatry*, 18(1), 6.
- Wan Mazwati Wan Yusoff. 2012. The Impact of Prophet Muhammad Motivation Techniques on Student Performance. *Social and Behavioral Sciences* 69: 1700-1708
- Yasein Mohamed. 1995. Fitrah and Its Bearing on Islamic Psychology. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 12(1): 1-18.
- Yatimah Sarmani & Mohd. Tajudin Ninggal. 2008. *Teori Kaunseling Al-Ghazālī*. Selangor: PTS Islamika.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī. 1977. *al-Ṣabr fī al-Qur ’ān*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Zakaria Stapa et al. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155-172.
- Zakiyah Darajat. 1970. *Peranan Aгаа dalam Kesehatan Mental*. Jakarta: Gunung Agung.
- Zolkoski, S. M., & Bullock, L. M. 2012. Resilience in children and youth: A review. *Children and Youth Services Review* 34(12): 2295-2303.

PENGARANG

Nur Shahidah Pa'ad
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
shaaaz2301@um.edu.my

Sayyid Buhar Musal Kassim
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Abdul Rahman, Z.
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Zaizul@ukm.edu.my